STAFMail

Timb. Naib Canselor TNCHEPI <tnchepi@ukm.edu.my>

HEBAHAN DANA PENYELIDIKAN MELALUIKOORDINATOR DANA PENYELIDIKAN HARTA TANAH NEGARA (NAPREC), JABATAN PENILAIANDAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.

1 message

SEKRETARIAT NAPREC <1naprec@gmail.com> Tue, Dec 22, 2020 at 5:07 PM
Bcc: tnchepi@ukm.edu.my



YBhg. Profesor Dato'/ Profesor Dr. / Profesor Madya / Dr / Tuan / Puan,

HEBAHAN DANA PENYELIDIKAN MELALUI KOORDINATOR DANA PENYELIDIKAN HARTA TANAH NEGARA (NAPREC), JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA.

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Institut Penilaian Negara (INSPEN) adalah Koordinator Kebangsaan dalam penyelidikan harta tanah yang dikenali sebagai National Real Estate Research Coordinator (NAPREC) bermula dari tahun 2002. Sebagai koordinator, INSPEN berperanan sebagai penyelaras dan pengurus dana penyelidikan harta tanah.

3. Sehubungan dengan itu, INSPEN ingin mempelawa para penyelidik yang berminat untuk mengemukakan permohonan penyelidikan di dalam bidang harta tanah bagi mendapatkan dana tersebut. Untuk makluman pihak tuan, permohonan ini terbuka untuk penyelidikan berskala kecil iaitu dalam lingkungan RM50,000.00 ke RM100,000.00 dan tempoh masa untuk menyiapkan projek penyelidikan adalah selama 12 bulan (1 tahun). Keutamaan akan diberikan kepada penyelidikan yang boleh memberi impak kepada pembangunan harta tanah negara dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

4. Adalah dimaklumkan semua permohonan perlu merujuk kepada Topik Penyelidikan yang dilampirkan dalam **Lampiran B**. Tarikh tutup permohonan adalah **18 Januari 2021**.

5. Mohon pihak tuan layari web INSPEN di http://www.inspen.gov.my dan muat turun perkara berikut:

i. Garis Panduan Permohonan Geran NAPREC,
ii. Borang Permohonan Geran NAPREC;

Setiap permohonan mestilah melalui Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Penglibatan penggiat industri harta tanah sebagai ahli kumpulan penyelidik amat dialu-alukan.

6. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi pihak sekretariat seperti berikut:

i. Pegawai : Norain binti Abdul Hamid
No. Telefon : 03-8911 1128
E-mail : 1naprec@gmail.com
norain@inspen.gov.my